

10 November 2022

PENUKARAN AKAUN SIMPANAN-i BERASASKAN BUKU AKAUN SIMPANAN KEPADA AKAUN SIMPANAN-i BERASASKAN PENYATA (“PENUKARAN”)

Pelanggan yang dihargai,

Kami ingin memaklumkan bahawa Akaun Simpanan-i berasaskan buku akaun simpanan akan ditukarkan kepada Akaun Simpanan berasaskan penyata membolehkan anda untuk mengakses transaksi perbankan melalui “M Journey Individual Online Banking”.

Kami ingin memberi jaminan bahawa Penukaran ini akan dilakukan tanpa sebarang kos kepada anda dan berikut adalah beberapa perkara penting berkenaan Penukaran tersebut:

- Nombor akaun simpanan anda akan kekal selepas Penukaran.
- Buku akaun simpanan anda tidak lagi sah selepas Penukaran. Anda tidak perlu lagi membawa buku akaun simpanan untuk melakukan sebarang transaksi di mana-mana cawangan MBSB Bank.
- Penyata akaun simpanan akan dikeluarkan setiap suku tahun.
- Penyata akaun simpanan boleh diperolehi melalui “M Journey Individual Online Banking”.
- Penukaran ini akan dilakukan selepas 21 hari daripada tarikh notis ini.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di 03-2096 3000 atau emel ke enquiry@mbsbbank.com.

Terima kasih untuk kepercayaan dan sokongan berterusan anda kepada MBSB Bank.